



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT(A) 1000/021/011/01 Jld. 12 (93)
Tarikh: 23 Disember 2020

YBhg. Datuk Prof. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail

Menjalankan Fungsi

Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

81310 UTM Johor Bahru

JOHOR

No. Tel. : 07-553 0001 / 07-557 5960

No. Faks : 07-557 9376

YBhg. Datuk,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN
TINGGI (JKPT) BIL.5/2020 PADA 18 NOVEMBER 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan UTM.S(J).08.02.02/10.13/56 Jld.9(37) bertarikh 21 September 2020, UTM.S(J).08.02.02/10.13/56 Jld.9(38) bertarikh 21 September 2020, dan UTM.S(J).08.02.02/10.13/56 Jld.9(39) bertarikh 21 September 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meluluskan permohonan UTM seperti berikut:

- (a) Pindaan Jumlah Jam Kredit Bagi Program Akademik Secara Open Distance Learning (ODL):

Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Sesi penawaran diluluskan: Semester 2, Sesi 2019/2020

- (b) Semakan kurikulum: Perubahan Tempoh Pengajian Minimum:

Sarjana Kejuruteraan (Mekatronik dan Kawalan Automatik)

Master of Engineering (Mechatronics and Automatic Control)

Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021

- (c) Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik

Sarjana Keselamatan Siber

Master of Cyber Security

Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021

- (d) Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik Dalam Bahasa Inggeris

Sarjana Pendidikan

Master in Education

Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021


3. Untuk makluman YBhg. Datuk, penawaran program akademik oleh universiti awam (UA) yang melibatkan implikasi kewangan, perjawatan dan infrastruktur hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti (LPU/LGU) terlebih dahulu bagi memastikan program tersebut dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Butiran kelulusan adalah seperti di Lampiran A dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil.5/2020 disertakan untuk rujukan dan makluman jua. Perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. :

YBrs. Prof. Dr. Zainuddin Abd Manan

Menjalankan Fungsi

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

81310 Skudai

JOHOR

No. Tel. : 07-553 0348

No. Faks : 07-554 7371

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Mercu MQA,

No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5

63000 Cyberjaya

SELANGOR

No. Tel. : 03-8688 3688

(a) Pindaan Jumlah Jam Kredit Bagi Program Akademik Secara Open Distance Learning (ODL)

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Pentadbiran Perniagaan		
Entiti Akademik	Sekolah Pengajian Antarabangsa Azman Hashim		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	Diluluskan JKPT Bil.5/2019: 45 kredit Pindaan baharu dipohon: 46 kredit		
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus dan Secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning, ODL)		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1 tahun (2 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 2, 2019/2020 Diluluskan JKPT: Semester 2, 2019/2020		
Implikasi	Implikasi Kakitangan Menggunakan perjawatan sedia ada		
	Implikasi Kewangan Tidak melibatkan implikasi kewangan		
	Implikasi Fizikal Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	30 Januari 2019 dan 26 September 2019	
	LPU	1 Oktober 2019	

(b) Semakan kurikulum: Perubahan Tempoh Pengajian Minimum

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Kejuruteraan (Mekatronik dan Kawalan Automatik) <i>Master of Engineering (Mechatronics and Automatic Control)</i>		
Entiti Akademik	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE), Fakulti Kejuruteraan		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	43 kredit		
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus		
NEC	523- <i>Electronics and Automation</i>		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun kepada 1 tahun	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Senat	26 Ogos 2020	
	LPU	14 September 2020	

(c) Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Nama asal: Sarjana Sains (Keselamatan Maklumat) Nama baharu diluluskan JKPT: Sarjana Keselamatan Siber <i>Master of Cyber Security</i>		
Entiti Akademik	Sekolah Komputeran, Fakulti Kejuruteraan		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	45 kredit		
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus		
NEC	482- <i>Computer Use</i>		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun (3 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada. <u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian. <u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Senat	26 Ogos 2020	
	LPU	14 September 2020	

Lampiran A

(d) Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik Dalam Bahasa Inggeris

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Nama asal: Sarjana Pendidikan <i>Master of Education</i>		
	Nama baharu dipohon: Sarjana Pendidikan <i>Master in Education</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	45 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
NEC	142- <i>Education Science</i>		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1 tahun 6 bulan (3 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh	Senat	29 Julai 2020	
Kelulusan	LPU	14 September 2020	

CABUTAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)
BIL.5/2020

Tarikh	:	18 November 2020 (Rabu)
Masa	:	2.30 petang hingga 5.30 petang
Tempat	:	Secara Zoom Di Bilik Mesyuarat Al Khawarizmi Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6 Presint 5, 62200 Putrajaya

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa situasi semasa COVID-19 di negara adalah semakin meruncing. Sehubungan itu, mesyuarat ini diadakan secara dalam talian selaras dengan SOP yang dikeluarkan oleh pihak MKN dan KKM bagi mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja.
- 1.3 Seperti yang semua sedia maklum, mesyuarat ini adalah bertujuan untuk menilai, meneliti dan memperakukan permohonan program akademik baharu dan juga program akademik sedia ada yang telah melalui semakan kurikulum sebelum ditawarkan oleh Universiti Awam (UA).
- 1.4 Di peringkat Kementerian amnya, mesyuarat JKPT menjadi satu mekanisme *check and balance* yang akan membantu Kementerian dalam memastikan hanya program yang benar-benar berkualiti dan diperlukan dalam pasaran semasa sahaja diluluskan untuk penawaran. Hal ini bagi meningkatkan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia, selain memastikan UA menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan guna tenaga negara.
- 1.5 Selain itu, UA juga hendaklah memastikan supaya program akademik yang ditawarkan menepati bidang tujahan seperti yang terkandung di dalam Perintah Pemernbadanan Penubuhan Universiti Awam. Penawaran program akademik yang tidak selari dengan bidang tujahan UA masing-masing akan menyebabkan pertindanan program, pembaziran sumber manusia, kewangan dan infrastruktur kerana pengambilan pelajar adalah daripada *pool* yang sama.

KAJIAN SEMULA TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM 3 TAHUN BAGI PROGRAM AKADEMIK DALAM BIDANG SAINS SOSIAL

- 1.6 Mesyuarat Kajian Semula Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKDSJK) Bil.3/2020 pada 20 Oktober 2020 telah bersetuju agar tempoh pengajian bagi program akademik dalam bidang Sains Sosial dikaji semula kerana bidang pengajian ini tidak terikat dengan pengiktirafan badan profesional serta tidak melibatkan latihan amali yang memerlukan pelajar untuk berada lebih lama di kampus.
- 1.7 Pengurangan tempoh pengajian ini dilihat dapat membantu mengurangkan kos terhadap IPT selain mengurangkan kos pinjaman PTPTN. Perkara ini juga dapat membantu pelajar memulakan kerjaya mereka dengan lebih awal.

PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU YANG TELAH DILULUSKAN JKPT BERMULA PADA SESI AKADEMIK SEMESTER 2 MELALUI PENGAMBILAN DALAMAN UA

- 1.8 Seperti sedia maklum, penawaran program akademik baharu peringkat Diploma dan Sarjana Muda perlu dikemukakan kepada Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), JPT melalui UPUOnline bagi tujuan semakan dan rujukan orang awam. Walau bagaimanapun, mesyuarat berpandangan bahawa proses ini boleh ditambah baik bagi mempercepatkan proses penawaran program akademik kepada pelajar.
- 1.9 Selaras dengan keputusan ini, mesyuarat memutuskan bahawa program akademik baharu peringkat Diploma dan Sarjana Muda yang telah diluluskan oleh JKPT boleh ditawarkan bermula pada Sesi Akademik Semester 2 melalui pengambilan dalaman UA. Keputusan ini adalah selepas mengambil kira urusan pengurusan penawaran dan persiapan teknikal di UA adalah tersedia dan teratur.
- 1.10 Walau bagaimanapun, program akademik tersebut juga perlu didaftarkan dalam sistem UPUOnline bagi penawaran melalui arus perdana pada Sesi Akademik Semester 1 berikutnya. Ini kerana semua maklumat berkaitan nama dan syarat masuk program pengajian yang dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hendaklah tersedia dalam e-Panduan sebagai sumber utama yang dipercayai oleh orang awam.

KEPERLUAN MELAKSANAKAN SEMAKAN KURIKULUM BAGI PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM

- 1.11 Semakan kurikulum perlu dilakukan pada tempoh tertentu secara berkala dan bersistematik. Keperluan semakan kurikulum merujuk kepada faktor yang membawa kepada perubahan kurikulum bagi memastikan kurikulum

sedia ada adalah terkini, kekal relevan dan berdaya saing seiring dengan situasi semasa.

- 1.12 Oleh itu, pihak UA disarankan untuk menyemak dan mengenal pasti program akademik yang tidak relevan dan tidak berdaya saing untuk dijumlahkan dan dilupuskan bagi memastikan hanya program akademik yang terkini, relevan dan berkualiti sahaja ditawarkan supaya dapat melahirkan graduan yang menepati keperluan industri dan guna tenaga serta mengurangkan jurang ketidakpadanan.
- 1.13 Semakan kurikulum juga boleh dijalankan dengan menyemak semula struktur kurikulum program akademik dengan menggugurkan kursus-kursus yang tidak relevan atau bertindan agar jumlah jam kredit dapat dikurangkan supaya tidak membebankan pelajar. Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum*) telah dibangunkan sebagai panduan bagi membantu UA dalam mengaplikasikan elemen kurikulum abad ke-21 terutamanya dalam membangunkan program akademik baharu dan menyemak semula kurikulum sedia ada.

MOHE GUIDE TO ENTREPRENEURSHIP INTERGRATED EDUCATION (EIE)

- 1.14 Tumpuan terhadap strategi menambahbaik kurikulum program akademik turut diberi perhatian melalui pendidikan keusahawanan di UA dengan menyediakan panduan khusus kurikulum keusahawanan.
- 1.15 JPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah membuat kajian dan menyediakan *MOHE Guide To Entrepreneurship Intergrated Education (EIE)*. Buku ini akan diterbitkan dan dilancarkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dalam masa terdekat ini untuk digunakan oleh institusi dalam menyemak dan membangunkan kurikulum pendidikan keusahawanan di IPT.
- 1.15 Melalui pendekatan rekabentuk kurikulum keusahawanan ini, kemahiran pelajar dapat ditingkatkan melalui kaedah pembelajaran secara *hands-on* atau pembelajaran berasaskan pengalaman yang diterapkan melalui kurikulum keusahawanan dalam program akademik.
- 1.16 Selain itu, ia dapat mendorong graduan menjadi lebih proaktif dalam mencari peluang untuk menceburi bidang keusahawanan dan berupaya mencipta pekerjaan sendiri (*job creator*). Seterusnya graduan dapat meningkatkan jumlah pekerjaan bagi membantu perkembangan ekonomi negara ini.

ISU KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- 1.17 Bagi menangani isu kebolehpasaran graduan, Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM100 juta melalui Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi *Career Advancement Programme* (KPT-CAP) yang telah memberi manfaat kepada graduan melalui penawaran pekerjaan oleh pemain industri dalam sektor seperti perbankan, perkilangan dan *Information and Communications Technology* (ICT).
- 1.18 Sebagai tambahan kepada inisiatif ini, Kerajaan akan melaksanakan program untuk memberikan peluang kepada graduan untuk mengikuti program profesional selepas menamatkan pengajian bagi meningkatkan kemahiran dan skil mereka. Inisiatif ini yang dinamakan Kementerian Pengajian Tinggi- *Professional Certification* atau KPT-PACE akan memanfaatkan seramai 50,000 orang pelajar dan melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta.
- 1.19 Ini dapat meningkatkan kemahiran bakal graduan serta tambah nilai kepada ijazah yang akan diperoleh. Graduan dengan sijil profesional ini mempunyai set kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Inisiatif ini juga memanfaatkan industri dengan mengurangkan kos program latihan kepada pekerja baharu.

KEPERLUAN PENGGUNAAN "DENGAN KEPUJIAN" DALAM PENAMAAN PROGRAM AKADEMIK PERINGKAT SARJANA MUDA

- 1.20 Terdapat kekeliruan yang timbul dalam kalangan majikan dan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian atau memohon pekerjaan di luar negara terutamanya bagi negara yang memerlukan program akademik "*with Honours*". Walau bagaimanapun di Malaysia, penamaan program Sarjana Muda tidak diwajibkan bagi penggunaan 'dengan Kepujian'. Sesuatu program yang tidak menggunakan perkataan 'dengan Kepujian' tetapi memenuhi keperluan Tahap 6 pengajian Sarjana Muda dengan jumlah jam kredit bergraduat yang ditetapkan, program tersebut masih diiktiraf setaraf 'dengan Kepujian'.
- 1.21 Mesyuarat Kajian Semula Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKDSJK) Bil.3/2020 pada 20 Oktober 2020 telah bersetuju bahawa PPT bebas untuk menentukan penggunaan istilah 'dengan Kepujian' dalam penamaan program akademik peringkat Sarjana Muda. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada penamaan mengikut standard program atau Badan Profesional yang berkaitan.
- 1.22 UA turut digalakkan untuk menggunapakai *Malaysian Qualification Statement* (MQS) iaitu satu dokumen lengkap yang menerangkan secara

terperinci penganugerahan sesuatu program tersebut. Hal ini bagi meningkatkan ketelusan dan membantu dalam pengiktirafan kelayakan akademik sesuatu program.

PENGECUALIAN KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH/GABENOR UNIVERSITI (LPU/LGU) BAGI SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM (UA) YANG TIDAK MEMPUNYAI IMPLIKASI PERJAWATAN, SUMBER FIZIKAL DAN KEWANGAN

- 1.23 Seperti sedia maklum, pada tahun 2018, JPT telah menerbitkan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua sebagai rujukan kepada semua UA untuk pembangunan program akademik. Kertas Cadangan Semakan Kurikulum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) di dalam garis panduan ini memerlukan UA untuk menyatakan tarikh kelulusan Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti (LPU/LGU) sama ada semakan tersebut mempunyai atau tidak mempunyai implikasi perjawatan, fizikal atau kewangan.
- 1.24 Sehubungan itu, JPT berpandangan bahawa proses ini boleh ditambah baik untuk mempercepatkan permohonan dikemukakan ke pihak JPT bagi memastikan penawaran program akademik dapat ditawarkan pada Sesi Akademik yang terdekat. Susulan daripada itu, pihak JPT telah bersetuju untuk memberi **pengecualian kepada semakan kurikulum program akademik yang TIDAK mempunyai implikasi perjawatan, fizikal atau kewangan supaya tidak perlu mendapat kelulusan LPU/LGU tetapi hanya sehingga kelulusan Senat**. Keputusan ini adalah selepas mengambil kira bahawa proses pemantauan dan semakan dalaman UA yang sedia ada adalah teratur.
- 1.25 Surat siaran berhubung pengecualian ini telah diedarkan kepada UA melalui surat bil. JPT (A)1000/001/019/01 Jld.21 (34) bertarikh 12 November 2020. Adalah diharapkan keputusan ini dapat membantu pihak UA untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan akademik dengan teratur dan berkualiti.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Encik Wahi Bin Nordin, wakil daripada Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), JPT mencadangkan supaya Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.4/2020 disahkan. Cadangan tersebut disokong oleh YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan Basri wakil daripada Lembaga Jurutera Malaysia dan disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA BERBANGKIT

3.3 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

3.3.1 Pindaan Jumlah Jam Kredit Bagi Program Akademik Secara Open Distance Learning (ODL)

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Pentadbiran Perniagaan		
Entiti Akademik	Sekolah Pengajian Antarabangsa Azman Hashim		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	Diluluskan JKPT Bil.5/2019: 45 kredit Pindaan baharu dipohon: 46 kredit		
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus dan Secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning, ODL)		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1 tahun (2 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 2, 2019/2020 Diluluskan JKPT: Semester 2, 2019/2020		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada		
Tarikh Kelulusan	Senat	30 Januari 2019 dan 26 September 2019	
	LPU	1 Oktober 2019	

a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- (i) Mesyuarat JKPT Bil.5/2019 pada 4 Disember 2019 telah meluluskan penawaran Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan) dan Sarjana Kejuruteraan Forensik secara terbuka dan jarak jauh (*open distance learning, ODL*)

- (ii) Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) telah melalui semakan Kurikulum pada tahun 2014 dan juga mendapat kelulusan KPT pada tahun 2014 berdasarkan surat KPT No Rujukan : JPT(A)1000/021/011/01 Jld 11 (4) bertarikh 20 November 2014 dengan jumlah kredit asal: 42 kredit (*Sebelum Tahun 2014 @ Sebelum Semakan Kurikulum 2014) dan kredit Baru: 45 kredit (* Bermula Pengambilan Semester 1 Sesi 2014/2015);
 - (iii) Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 sekali lagi pihak Fakulti (AHIBS) membuat Semakan Kurikulum di mana berlaku perubahan Kredit dari 45 kredit kepada **46 Kredit** bermula pada Semester 1 Sesi 2019/2020 melalui kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil. 4/2019.
- b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** pindaan jumlah jam kredit bagi program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 3.3.1.

Tindakan:
UTM
BJA,JPT

4. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BERSTATUS SWAAKREDITASI

4.6 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.1 Semakan kurikulum: Perubahan Tempoh Pengajian Minimum

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan
Program Akademik	Sarjana Kejuruteraan (Mekatronik dan Kawalan Automatik) <i>Master of Engineering (Mechatronics and Automatic Control)</i>
Entiti Akademik	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE), Fakulti Kejuruteraan
Tahap KKM	Tahap 7
Jam Kredit	43 kredit
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus
NEC	523- <i>Electronics and Automation</i>

Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun kepada 1 tahun	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Senat	26 Ogos 2020	
	LPU	14 September 2020	

a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- (i) Semakan ini mengambil kira keperluan pekerjaan mengikut aliran semasa bidang. Bidang Mekatronik adalah gabungan pelbagai bidang yang meliputi bidang Elektrikal dan Elektronik (EE) serta bidang Mekanikal. Laporan MIDA menekankan keperluan aktiviti reka bentuk intensif termasuk sektor Elektronik Sistem Industri, Robotik Automasi, *Internet of Thing* (IOT) dan perkhidmatan Bersama yang mana dititikberatkan dalam semakan kandungan kursus-kursus program;
- (ii) Semakan juga mengambil kira jumlah pekerjaan bagi keperluan industri. Daripada hasil laporan Tinjaun Ekonomi 2019, program ini dapat menyediakan keperluan kekosongan pekerjaan yang diperlukan berdasarkan kandungan kursus yang dipinda;
- (iii) Mengambil kira faktor perkembangan dan perubahan teknologi selaras dengan perubahan terkini dasar pendidikan tinggi negara dan UTM. Bagi memastikan keperluan semasa bidang yang menekankan bidang Robotik Automasi yang mana merupakan salah satu bidang kritikal dalam *Top Five Emerging Careers*, semakan merangkumi kemahiran teknikal berdasarkan teknologi

Industri 4.0 dan kemahiran insaniah berdasarkan keperluan Halatuju Kurikulum Abad ke-21;

- (iv) Mengambil kira keperluan untuk menyelaras semua kursus teras dan elektif dalam dua bidang asas kejuruteraan Mekatronik dan Kawalan Automatik. Ini bertujuan supaya para graduan dapat dibekalkan dengan pengetahuan yang luas tentang prinsip-prinsip asas (fundamental) dalam kedua-dua bidang teras (Mekatronik dan Kawalan Automatik) yang merupakan tunjang dalam keperluan IR 4.0; dan
 - (v) Semakan kurikulum program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.
- b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** semakan kurikulum program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.1.

Tindakan:
UTM
BJA,JPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.2 Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan
	Nama asal: Sarjana Sains (Keselamatan Maklumat)
Program Akademik	Nama baharu diluluskan JKPT: Sarjana Keselamatan Siber <i>Master of Cyber Security</i>
Entiti Akademik	Sekolah Komputeran, Fakulti Kejuruteraan
Tahap KKM	Tahap 7
Jam Kredit	45 kredit
Kaedah Penyampaian	Kerja Kursus
NEC	482- <i>Computer Use</i>

Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1.5 tahun (3 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Senat	26 Ogos 2020	
	LPU	14 September 2020	

a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- (i) Semakan ini dijalankan bagi menyelaraskan PEO dan PLO mengikut keperluan yang digariskan oleh Malaysian Qualifications Framework 2nd Edition (MQF 2.0);
- (ii) Terdapat keperluan mengemaskini struktur program dan bidang kursus supaya mengikut *Body of Knowledge (BOK) Cyber Security* yang telah digariskan dalam MQA *Addendum for Program Standard: Computing* yang terbaharu (tahun 2019);
- (iii) Ianya juga mengambil kira kehendak pihak industri, perkembangan teknologi dan trend terkini yang memerlukan lebih ramai pakar bidang keselamatan siber. Wakil- wakil industri dari *Industry Advisory Panel (IAP)* seperti dan *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* turut memberi cadangan untuk menambah baik struktur program akademik ini; dan
- (iv) Semakan kurikulum program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.

- b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** semakan kurikulum program akademik tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.2.

Tindakan:
UTM
BAK, JPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.6.3 Semakan kurikulum: Perubahan Nama Program Akademik Dalam Bahasa Inggeris

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Nama asal: Sarjana Pendidikan <i>Master of Education</i> Nama baharu dipohon: Sarjana Pendidikan <i>Master in Education</i>		
Entiti Akademik	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan		
Tahap KKM	Tahap 7		
Jam Kredit	45 kredit		
Kaedah Penyampaian	Campuran		
NEC	142- <i>Education Science</i>		
Kaedah/ Jangka masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh Masa	1 tahun 6 bulan (3 semester)	4 tahun (8 semester)
Tahun/Sesi Penawaran	Dipohon: Semester 1, Sesi 2020/2021 Diluluskan JKPT: Semester 1, Sesi 2020/2021		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.		
	<u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.		
	<u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Senat	29 Julai 2020	
	LPU	14 September 2020	

- a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:
- (i) Semakan ini dijalankan bagi menyelaraskan PEO dan PLO mengikut keperluan yang digariskan oleh *Malaysian Qualifications Framework* Edisi Kedua (MQF 2.0);
 - (ii) Terdapat keperluan mengemaskini struktur program dan bidang kursus supaya mengikut Education Programme Standards yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang melibatkan keperluan menambah kursus elektif;
 - (iii) Ianya juga mengambil kira pandangan dan kehendak mesyuarat bengkel penilaian kurikulum program akademik bersama Panel Penasihat Industri (IAP) dan Penilai Luar untuk menambah baik struktur program akademik ini; dan
 - (iv) Semakan kurikulum program akademik ini akan dilaksanakan dengan menggunakan sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.
- b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** semakan kurikulum program akademik baharu selepas mengambil kira pandangan di para 4.6.3.

Tindakan:
UTM
BAK, JPT

6. HAL – HAL LAIN

Mesyuarat berpandangan bahawa bagi penamaan “(Kepujian)” [contoh: Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik] adalah tidak sesuai digunakan di dalam penamaan program akademik.

Sehubungan itu, mesyuarat mencadangkan pihak UA untuk menggunakan pakai penamaan “dengan Kepujian” dan diletakkan di belakang penamaan program bagi mengelakkan kekeliruan kepada pihak umum dengan penamaan program yang berbentuk pengkhususan [contoh: Sarjana Muda Sains Fizik dengan Kepujian].

Pihak MQA juga telah menerbitkan Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia pada Disember 2019 bagi menjelaskan norma asas

penamaan sesuatu program pengajian kepada pemberi pendidikan tinggi dalam menamakan program pengajian yang ditawarkan di institusi masing-masing.

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.5/2020 ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Disediakan oleh:
Urus Setia JKPT
Bahagian Kecemerlangan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi

Nota:
Cabutan Minit ini adalah tertakluk kepada pengesahan minit semasa mesyuarat akan datang.